

Kempen tandatangan 'Selamatkan Jalan Sultan Demi Warisan'

KUALA LUMPUR – Kempen menandatangani memorandum "Selamatkan Jalan Sultan Demi Warisan" bagi mempertahankan warisan sejarah bandar raya Kuala Lumpur dilancarkan di sini semalam.

Presiden Bersama Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCAH), Yong Yew Wei berkata, kerajaan tidak sepatutnya mengorbankan Jalan Sultan untuk pembinaan projek Transit Aliran Massa (MRT).



YONG YEW WEI

"Jalan Sultan telah menjadi saksi kepada banyak peristiwa bersejarah dan merupakan penempatan awal di Kuala Lumpur sejak lewat tahun 1800.

"Projek MRT bukan sahaja mengancam warisan budaya masyarakat Cina di

Jalan Sultan malah menghakis karakter budaya masyarakat Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada pelancaran kempen tersebut yang dianjurkan Persatuan Memperta-

hankan Jalan Sultan.

Kira-kira 100 badan bukan kerajaan dan penduduk berketurunan Cina sekitar Kuala Lumpur menyertai kempen tersebut.

Yew Wei mendakwa pembangunan ekonomi akan menerima impak negatif sekiranya kerajaan tetap berpendirian meruntuhkan bangunan berdekatan Jalan Sultan.

Menurutnya hal itu dijangka berlaku kerana kira-kira dua juta pelancong tempatan dan luar negara mengunjungi China Town dan Jalan Petaling berdekatan dengan Jalan Sultan pada setiap bulan.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang menjayakan kempen memorandum 'Selamatkan Jalan Sultan Demi Warisan' di Kuala Lumpur semalam.